

No. Sebut harga : **KEL/PPPBC/SH02/2018 (Lupus)**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

Pejabat Kesihatan Pergigian Bachok

Bachok

16300 Kelantan

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1	Van Kia Pregio	WNH7393	1	RM2000.00

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **2 September 2018** dan/hingga **16 September 2018** di antara jam **8.00 pagi** hingga **5.00 petang** (waktu pejabat) di **Klinik Pergigian Bachok , Bachok, Kelantan.**

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **SH02/ 2018 (Lupus)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Pegawai Pergigian Daerah Bachok
Pejabat Kesihatan Pergigian Bachok
Bachok
16300 Kelantan

5. Tarikh tutup sebut harga pada **17 September 2018** jam **12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Dr Nik Azinah bt Nik Abdullah

Pejabat Kesihatan Pergigian Bachok

Bachok

16300 Kelantan

Tarikh:

Cap:

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Pegawai Kesihatan Daerah Bachok** (Kementerian atau Jabatan).
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is/where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan asset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.